


B/H 18/2/12 Ms 12.



MOHAMAD Pandak ketika zaman mudanya.

# Pesalah kena tendang dalam kolam berais

Hukuman pelik di Congo terus tersemat rapi dalam catatan jurnal



MOHAMAD Pandak (tiga dari kanan) bersama rakan sebelum berangkat ke Congo.

TANGGAL 17 Februari 1962, Lans Koperal Mohamad Pandak Idris, ketika itu berusia 27 tahun, bersama kumpulannya daripada Batalion 7 Askar Melayu Diraja berkumpul di Kem Taiping, Perak, dalam misi menerima arahan untuk bertugas di Republik Congo.

Beliau yang berasal dari Changkat Tin, Tanjung Tualang, Perak, adalah daripada kumpulan ketiga pasukan tentera Malaysia bertugas di negara bergolak itu. Ketika ke Congo, Mohamad Pandak sudah berumah tangga dan mempunyai seorang anak masih kecil, berusia enam bulan.

“Kami berkumpul di Kem Taiping sebelum mengadakan perbarisan. Ketika itu, Sultan Perak dan Sultan Pahang sebagai Kolonel Kehormatan pasukan, mengadakan pemeriksaan perbarisan sebelum kami berangkat. Selepas perbarisan, Pegawai Memerintah kami ketika itu, Left-Kol Khalid Yasin, mengarahkan kami ke Kuala Kangsar kerana Sultan Perak ketika itu, Sultan Yusof Idris Shah ingin bersalaman.

“Di situlah bermula saat pilu kami apabila melihat Sultan Yusof bersalaman dengan setiap kami menerusi tingkap kereta api. Semua menghulurkan tangan bersalaman dengan baginda dan saat itu saya dan kawan-kawan nampak jelas, air mata baginda mengalir mengiringi pemergian kami ke Congo.



“Kami dapat merasai baginda turut berduka sehingga menitikkan air mata. Kami juga pilu. Mana tidaknya, melihat seorang raja menitikkan air mata bersalaman dengan setiap kami menerusi tingkap gerabak kereta api,” katanya.

Mohamad Pandak kini berusia 76 tahun, ternyata seorang pencatat pengalaman yang baik apabila terbukti sejarah perjalanannya mereka dari Malaysia sehingga saat mereka pulang, semuanya dicatat secara bertulis dan masih tersimpan kemas sehingga ke hari ini di rumahnya di Jalan Limau, Meru, Klang.

Menceritakan satu persatu perjalanan kumpulan ketiga Malaya daripada Batalion 7 itu, Mohamad Pandak memberitahu dari Kuala Kangsar, mereka meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur sebelum menyambung perjalanannya ke Pelabuhan Swettenham (Pelabuhan Klang) menggunakan kereta api.

Apabila tiba di Pelabuhan Swettenham, mereka kemudian menaiki se-

buah kapal kargo milik Amerika Syarikat, bernama *R M Blairford*.

Berdasarkan catatannya, perjalanan kumpulan itu terus menuju ke Ceylon dan tiba ke negara yang kini dikenali sebagai Sri Lanka tepat jam 2 pagi. Selepas itu mereka meneruskan perjalanan sehingga tiba di pelabuhan Dar Res Salam tepat jam 12 tengah hari pada 27 Februari 1962.

“Kebanyakan perjalanan kami di sana saya catatkan secara bertulis. Antaranya pada 2 Mac pula, kira-kira jam 1.30 tengah hari, kami menaiki kereta api dari pelabuhan menuju ke Kigoma dan tiba di Tasik Tanganika jam 4 pagi. Selain itu, ada juga perjalanan seterusnya iaitu pada 19 Ogos



*Di situlah bermula saat pilu kami apabila melihat Sultan Yusof bersalaman dengan setiap kami menerusi tingkap kereta api. Semua menghulurkan tangan bersalaman dengan baginda dan saat itu saya dan kawan-kawan nampak jelas, air mata baginda mengalir mengiringi pemergian kami ke Congo*

**Mohamad Pandak Idris**  
Pesara tentera

1962 apabila kami bertolak dari Bukavu ke Albertville menaiki trak,” sambungnya sambil meneliti semula catatan perjalanan yang ditaip sendiri dan masih disimpan hingga ke hari ini.

Menyingkap pengalaman sewaktu bertugas, Mohamad Pandak melihat bagaimana seorang pencuri warga Congo dan seorang saksi kejadian itu yang diserahkan kepada polis di Albertville menerima hukuman ditendang ke dalam kolam dipenuhi ais menyebabkan kedua-duanya menjerit kesejukan.

“Kejadian bermula apabila saya menangkap seorang daripada tiga pencuri di tempat memasak tentera Malaysia. Mereka mulanya datang melihat dua rakan mereka yang diambil bekerja sebagai pembantu tukang masak. Tetapi tiga sahabatnya itu, datang mencuri sardin dan beberapa makanan lain. Saya dapat menangkap seorang daripada mereka.

“Seorang sahabatnya yang bekerja sebagai pembantu tukang masak turut saya bawa bersama lelaki ditangkap itu ke balai polis sebagai saksi. Apabila dimaklumkan perbuatan mereka di balai polis, kedua-duanya termasuk saksi tiba-tiba ditendang masuk ke dalam kolam dipenuhi ais,” katanya.

Tidak lama selepas itu baru saya tahu, rupanya kebanyakan rakyat Congo yang melakukan kesalahan akan dihukum masuk ke dalam kolam berisi ais dan hukuman itu amat ditakuti.

**MOHAMAD** Pandak menunjukkan topi tentera yang pernah digunakannya di Congo sebagai kenangan.



# SM Salim antara artis hiburan anggota pengaman

Oleh Norakmah Mat Youb  
dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bharian.com.my

**A**PABILA disebut nama Tan Sri SM Salim, siapa yang tidak kenal. Sikap santunnya yang ada kalanya suka mengusik di kala sedang mendengarkan lagu membuatkan nama SM Salim terus mekar di bibir penggiat dan peminat dunia seni.

Beliau yang memulakan kerjaya sebagai juruhebah Radio Malaya (kini Radio Televisyen Malaysia (RTM) seğara sambilan sejak 1957, turut dikenali penyanyi lagu Melayu klasik.

Namun, di sebalik memori indah sebagai penggiat seni tempatan, sebenarnya tersirat satu cerita yang cukup getir pernah dilaluinya.

Peristiwa sukar dilupakan apabila beliau diundang menghiburkan anggota tentera dari pelbagai negara ketika tentera Persekutuan Tanah Melayu ditugaskan menyertai misi pengaman di Congo, Afrika di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1960.

Tawaran itu diterimanya apabila Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang juga Timbalan Perdana Menteri ketika itu mengarahkan beliau bersama empat rakannya membuat persembahan di Congo.

"Kami hanya diberi masa dua minggu membuat persiapan. Perasaan kami bercampur-baur, sedih pun ada, takut apatah lagi... mana tidaknya, kami bakal membuat persembahan di sebuah negara bergolok. Keadaan di sana jauh lebih dahsyat daripada peristiwa 13 Mei 1969.

"Hati berat mahu ke sana, namun



SM Salim (dua dari kanan) bergambar bersama tentera Malaya di Lapangan Terbang Rwanda.

atas permintaan dan amanat Tun, kami penuh juga," katanya ketika ditemui di rumahnya di Ukay Perdana, Ampang baru-baru ini.

Menceritakan kembali saat memulakan perjalanan ke Congo, SM Salim berkata, beliau bersama empat rakannya, Allahyarham Hamzah Dolmat yang juga penggesek biola, pelawak, Ismail Bontak serta penyanyi, Allahyarham Norma Abdullah atau Normadiyah dan Hashimah Yon ter-

paksa mengharungi perjalanan panjang dan cukup mencabar.

"Ingatkan bila tiba di sana, keadaannya aman, namun sebaliknya, rakyat Congo nampak tidak senang dengan kehadiran kami, mereka fikir kami musuh.

"Setiap perjalanan kami berisiko, silap langkah, ajal menanti," tambahnya mereka tidak faham berbahasa Inggeris, mujur ada di kalangan anggota tentera yang mengiringi pe-

tah berbahasa Congo, di situlah kami sedikit selamat.

Katanya, jika mengikut perancangan, mereka akan bergerak dari satu wilayah ke wilayah lain membuat persembahan memandangkan anggota tentera tidak tertumpu hanya di satu wilayah saja.

Lebih memeritkan, Salim berkata, mereka berlima turut mengusung alatan muzik sendiri tanpa bantuan sesiapa pun.



# Nyaris maut selepas pulang ke tanah air

**"K**ETIKA umat Islam menyambut Hari Raya, kami di Congo merasai hiba teringatkan kampung halaman dan keluarga. Mana tidaknya, kami tiba di negara itu sehari sebelum Aidilfitri," cerita Mohamad Pandak yang kini berusia 76 tahun.

Katanya, ingatan pada isteri dan anak sulung berusia enam bulan menyebabkan perasaannya hiba tetapi apabila mengenangkan penghargaan terpilih sebagai anggota tentera untuk berkhidmat di negara orang, perasaan sayu itu perlahan-lahan hilang.

Isterinya, Muna turut mengakui perasaan sama kerana pada Hari Raya pada 1962 itu, beliau meraikannya bersama anak yang masih kecil sedangkan suami tercinta menggadai nyawa di negara orang.

Bagaimanapun, Muna yang amat mesra dan masih kuat daya ingatannya, berkata tidak sedetik dalam hatinya ralat atau kesal dengan pengalaman itu sebaliknya berbangga kerana menjadi seorang isteri tentera yang menjulang nama negara bersama beberapa rakan lain.

Hasil perkongsian hidup mereka, Mohamad Pandak dan Muna dianugerahkan lapan cahaya mata iaitu Mirawati 51; Mizawati, 49; Shamsulzahari, 47; Edi Salman, 46; Shahrudin, 44; Shahid Norzin, 42; Maitatul Suriani, 40 dan yang bongsu,

Shahril Amir, 38 tahun.

Muna turut meminta suaminya bercerita mengenai beberapa pengalaman Mohamad Pandak yang dua kali nyaris maut ketika bertugas di Sarawak, beberapa tahun selepas pulang dari Congo.

Katanya, walaupun pengalaman itu tiada kaitan dengan tugasnya di Congo, tetapi peristiwa itu sentiasa dikenang sehinggalah suaminya bersara.

Mohamad Pandak mengakui beliau masih terkenangkan peristiwa itu. Pada kejadian pertama, katanya,



*Tidak lama mereka bergerak kami mendengar banyak letupan senjata api. Rupanya letupan itu adalah serang hendap komunis terhadap trak yang sepatutnya saya naiki, menyebabkan seorang kawan saya terbunuh, manakala dua yang lain cedera parah*



**Mohamad Pandak Idris**  
Pesara tentera

beliau diajak tiga rakannya untuk menghantar barangan keperluan tentera seperti tilam menaiki trak di Simanggang. Mulanya beliau amat ingin mengikut kawan-kawannya tetapi menyedari beberapa tugasnya berkaitan pembayaran gaji anggota tentera belum selesai, beliau membatalkan hasrat pada saat akhir.

"Tidak lama mereka bergerak kami mendengar banyak letupan senjata api. Rupanya letupan itu adalah serang hendap komunis terhadap trak yang sepatutnya saya naiki, menyebabkan seorang kawan saya terbunuh, manakala dua yang lain cedera parah.

"Kejadian kedua pula lebih tragis. Ketika itu, saya baru tamat bertugas dalam pulang ke berek untuk tidur. Rupanya ada satu tugas penting dan semua kawan yang berada di bandar ketika itu diarah pulang. Saya pula terlepas sebab tertidur selepas tamat bertugas.

"Memang saya terkilan dan amat sedih dengan peristiwa ini kerana kumpulan kawan saya termasuk yang dipanggil bertugas ketika berada di bandar, menjadi mangsa serangan komunis. Ketika itu saya berkhidmat dengan pasukan 7 Renjer. Seramai 15 kawan saya terbunuh manakala lima atau enam yang lain cedera parah," katanya sambil bergenang air mata.